

# Tangani ponteng usah bermusim

KOSMO 16/07/08 MIS 13

KUALA LUMPUR – Usaha menangani masalah ponteng sekolah tidak seharusnya dilakukan secara bermusim malah usaha perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan ia perlu dilakukan secara berterusan.

Demikian yang ditegaskan oleh Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Datuk Dr. Mohd Ali Hasan ketika diminta mengulas mengenai masalah ponteng sekolah yang juga disifatkan beliau semakin berleluasa.

“Kita melihat perkara ini terlalu serius. Semua pihak sama ada kesatuan, guru dan juga ibu bapa perlu mengambil berat dan bekerjasama menangani masalah ini.

“Tidak perlu timbul soal tuding jari antara satu sama lain mencari siapa salah. Yang penting kita mahukan kerjasama daripada semua pihak menangani masalah ini secara konsisten,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, masalah pelajar ponteng berlaku disebabkan dua faktor iaitu faktor penarikan yang wujud di luar persekitaran sekolah dan faktor penolakan

yang wujud di persekitaran sekolah.

Kedua-dua faktor itu jelasnya, perlu dikaji semula mengikut kesesuaian dan pendekatan yang relevan perlu diterapkan mengikut keadaan pelajar pada masa kini.

“Pelajar pada zaman sekarang tidak sama seperti zaman tahun 1960-an dulu. Pelajar zaman sekarang banyak terdedah dengan proses kehidupan yang kompleks.

“Aktiviti dalam kelas perlu dikembangkan kepada aktiviti luar yang relevan, bersifat ilmiah dan menarik sejajar dengan sistem di negara maju.” jelasnya.

Selain itu, saiz kelas dan bebanan guru juga katanya, antara faktor yang perlu diberi penekanan bagi memastikan masalah ponteng sekolah itu dapat diminimumkan.

Bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam sesebuah kelas menyebabkan seorang guru sukar untuk memantau pelajar-pelajarnya sama ada berada di luar sekolah atau di dalam sekolah.

“Dalam seminar atau mesyuarat dengan kementerian kita selalu bangkitkan perkara ini, dengan nisbah seorang guru mahu mengawal hampir 50 murid dalam

satu kelas, ia adalah sesuatu yang sukar dilakukan.

“Sebab itu kami mencadangkan dalam satu kelas hanya perlu ada 35 pelajar sahaja. Ia bagi memudahkan guru ini membuat pemantauan pelajar-pelajarnya dari semasa kesemasa,” ujarnya.

Beliau turut menyarankan setiap premis perniagaan terutama kompleks membeli-belah perlu bertindak tegas dengan tidak membenarkan pelajar yang memakai pakaian seragam berpeleseran di kawasan itu pada sesi persekolahan.

Dalam pada itu, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Guru Kebangsaan, Anuar Ibrahim menasihatkan ibu bapa atau penjaga supaya sentiasa peka terhadap anak-anak bagi memastikan gejala ponteng sekolah dapat ditangani secara berkesan.

“Kuasa guru-guru hanya sekadar dalam pagar sekolah sahaja, tetapi di luar sekolah guru tiada hak untuk menangkap pelajar.

“Polis dan pihak berkuasa tempatan juga sebenarnya tiada kuasa menangkap pelajar-pelajar ponteng, ia hanya boleh dibuat sebagai memenuhi tanggungjawab sosial sahaja,” katanya.